

22/08/2003

Skuasy kita mula berputik di MCKK

Haryani Ngah

PERMAINAN skuasy mula diperkenalkan di Malaya ketika zaman penjajahan oleh askar British dengan sukan itu kerap dimainkan di kem tentera serta kelab eksklusif.

Ketika itu skuasy hanya dimainkan secara rekreasi oleh pegawai tentera warga British yang bekerja dalam perkhidmatan awam manakala rakyat tempatan yang berpeluang bermain sukan itu kebanyakannya ketika berada di luar negara.

Pertandingan skuasy pertama diadakan pada 1939 di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) menyaksikan Yang di-Pertuan Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar muncul juara selepas menewaskan bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak pada perlawanan akhir.

Menurut pengasas pertama Persatuan Raket Skuasy Malaysia, Datuk Dr Ikmal Hisham Albakri, pada peringkat awal, skuasy tidak mendapat perhatian masyarakat tempatan, tidak seperti sukan lain seperti bola sepak, hoki dan badminton.

Beliau mula mengenali skuasy semasa menuntut di MCKK ketika zaman sebelum perang dan di sekolahnya itu skuasy diperkenalkan oleh guru besar dan guru yang berbangsa British.

Bagaimanapun hanya selepas berakhir perang iaitu pada tahun 1947 dia mula bermain skuasy tetapi hanya untuk rekreasi kerana beliau turut bermain bola sepak dan hoki.

Beliau terbabit secara serius bermain skuasy ketika menuntut di Universiti Sheffield, England dan mula menyertai pertandingan peringkat universiti dengan pelajar yang menyertai sukan mendapat anugerah iaitu colour (warna).

Untuk bermain sukan pelajar perlu menyertai Kelab Sukan Abbeydael dan kelab berkenaan turut memiliki gelanggang skuasy serta jurulatih.

Pengalaman yang tidak boleh dilupakannya ialah beliau turut mendapat tunjuk ajar daripada juara dunia pertama, Hashim Khan dari Pakistan yang datang ke England ketika itu.

Ikmal Hisham pulang ke tanah air sebaik saja tamat pengajian kira-kira dua minggu sebelum Merdeka. Begitupun ketika itu hanya Kelab Perdana memiliki gelanggang selain MCKK dan ia terbuka kepada ahli saja. Begitu juga dengan kejohanan yang dianjurkan hanya untuk ahli.

Bekas Ketua Polis Negara berbangsa British yang terakhir, Tan Sri Claud Fenner mencadangkan agar beliau menubuhkan persatuan sekiranya mahu skuasy dimajukan kerana ketika itu tidak ramai yang terbabit dalam sukan itu.

Keyakinan skuasy dapat dimajukan lahir daripada kejayaan pemain negara dalam sukan badminton dan beliau yakin acara raket lain seperti skuasy mampu dikuasai rakyat tempatan.

Jawatankuasa untuk menubuhkan SRAM terbentuk pada 1972 dengan Ikmal Hisham dipilih sebagai presiden pertama dan Tunku Imran Tuanku Ja'afar dilantik menjadi setiausaha kehormat.

Masalah yang timbul ketika itu ialah ketiadaan gelanggang dan cadangan dibuat agar setiap negeri membina gelanggang, mendapat sambutan daripada beberapa kelab di seperti Kelab Diraja Pulau Pinang dan Kelab Diraja Ipoh.

Kemudiannya beliau meminta badan tertentu seperti Lembaga Letrik Negara (LLN) yang kini dikenali sebagai Tenaga Nasional Berhad menerusi kelab Kilat dan Telekom mengadakan gelanggang dan usaha itu mendapat sambutan.

Selepas terbinanya beberapa gelanggang barulah kejohanan secara liga diadakan dan SRAM turut menganjurkan kejohanan kebangsaan dan kejohanan

terbuka dengan menjemput pemain dari luar negara.

Kejohanan Skuasy Timur Jauh yang terawal diadakan pada 1974 dengan penyertaan Filipina, Jepun dan Singapura.

Pemain yang menyertai kejohanan ketika itu agak berumur dan terdiri daripada golongan bekerja berbanding pemain sekarang yang kebanyakan masih muda.

Selepas memegang jawatan selama enam tahun (1972-1977), Ikmal Hisham mengambil keputusan berundur dan jawatan diserahkan kepada Tunku Imran yang sebelum itu berpengalaman sebagai setiausaha kehormat.

Tunku Imran adalah juara kebangsaan pertama selepas menewaskan Hood Salleh pada perlawanan akhir pada tahun 1973.

Sepanjang 12 tahun memegang jawatan (1978-1989), program mencari bakat baru yang diperkenalkan pada 1982 yang berjaya membangunkan skuasy di kalangan pemain muda.

Kecemerlangan tugas Tunku Imran diteruskan mendiang Tan Sri Alex Lee yang berjaya menaikkan nama negara menerusi dua jaguh iaitu Ong Beng Hee dengan gelaran Juara Remaja Dunia Lelaki pada 1998 dan Nicol Ann David memenangi gelaran Juara Remaja Wanita setahun kemudian.

Selepas kematian Alex pada 1999, jawatan presiden keempat disandang Datuk Nik Mohamed Din dan pada 12 Januari 2003, Datuk Mokhzani Mahathir pula memenangi kerusi presiden.

ESOK: Wawancara bersama Presiden Datuk Mokhzani Mahathir dan rencana dua bintang skuasy tanahair, Ong Beng Hee dan Nicol Ann David.